

SEKRETARIAT AKREDITASI TEKNOLOGI DAN TEKNIKAL (TTAS)

Ruj. : MBOT 600-8/5/1 (24)

Tarikh : 27 Disember 2021

KEPADA SEMUA PEMBERI PENDIDIKAN TINGGI (PPT)

Tuan/Puan,

PEMAKLUMAN PENILAIAN AKREDITASI BAGI PROGRAM DUAL IJAZAH (*DUAL DEGREE*), PENGAJIAN MOD PEMBELAJARAN TERBUKA DAN JARAK JAUH (*ODL*) DAN PESISIR (*OFFSHORE*) DI BAWAH MAJLIS AKREDITASI TEKNOLOGI DAN TEKNIKAL (TTAC) LEMBAGA TEKNOLOGIS MALAYSIA (MBOT)

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Mesyuarat Khas Majlis Akreditasi Teknologi dan Teknikal (TTAC) Lembaga Teknologis Malaysia (MBOT) Bil.1/2021 bertarikh 22 Jun 2021 telah meluluskan 'Garis Panduan Penawaran Program Dual Ijazah (*Dual Degree*)' untuk penilaian akreditasi bagi program Dual Ijazah (*Dual Degree*) dan Mesyuarat TTAC MBOT Kali ke-25 Bil.6/2021 bertarikh 15 Disember 2021 telah meluluskan 'Garis Panduan Pembelajaran Terbuka dan Jarak Jauh' untuk penilaian akreditasi bagi program pengajian secara Mod Pembelajaran Terbuka dan Jarak Jauh (*ODL*) serta 'Garis Panduan Penawaran Program Pesisir (*OffShore*)' untuk penilaian akreditasi bagi program Pesisir (*OffShore*).

3. Garis Panduan ini adalah dokumen sokongan kepada TTAC Manual 2019 dan penghantaran dokumen Penilaian Kendiri Akreditasi (SRR) hendaklah merujuk kepada kedua-dua dokumen yang berkaitan.

4. Sebarang pertanyaan lanjut, pihak tuan/puan boleh menghubungi Sekretariat Akreditasi Teknologi dan Teknikal (TTAS) MBOT di talian 03-88006268 atau e-mel ttas@mbot.org.my.

Perhatian dan kerjasama pihak tuan/puan mengenai perkara ini amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(PROFESOR DATO' Ts. DR. ROSLI BIN MOHD YUNUS)

Pengerusi

Majlis Akreditasi Teknologi dan Teknikal (TTAC)

Lembaga Teknologis Malaysia